

ID36

**IMPAK PROGRAM BINA RUMAH (PBR) TERHADAP
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA: SATU TINJAUAN
AWAL**

Hairudin Ruzaili Bin Hambali, Noor Al-Huda Abdul Karim, Ph.D, Marinah Awang, Ph.D
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau impak Program Bina Rumah (PBR) terhadap Pembangunan Sumber Manusia (PSM) di Negeri Perak. PBR merupakan program penyediaan rumah yang lebih selamat dan selesa bagi menggantikan rumah yang sedia ada atau daif kepada golongan miskin dan miskin tegar. Ia adalah satu usaha untuk meningkatkan kemandirian untuk memastikan mereka dapat bersama-sama menyumbang kepada pembangunan sumber manusia (PSM) Negara. Kajian menggunakan rekabentuk gabungan kualitatif dan kuantitatif. Responden yang akan terlibat adalah seramai 217 orang yang terdiri daripada penerima PBR bagi tahun 2012. Pendekatan kualitatif dilakukan untuk tinjauan awal dibuat dengan menggunakan kaedah temubual. Temubual separa struktur tersebut dijalankan terhadap Pegawai di Pejabat Daerah & Tanah, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Pengurus Projek, Penghulu Kanan dan Penghulu Mukim. Protokol temubual yang telah disediakan bagi mengenal pasti isu dan persoalan kajian. Data-data temubual dianalisa dengan mengeluarkan tema-tema tertentu di dalam proses menyediakan soal selidik kepada penerima PBR. Dapatan awal tinjauan kajian menunjukkan pelaksanaan PBR amat memberangsangkan terutama dalam meningkatkan PSM dan kesejahteraan hidup golongan ini. Selain dari itu memperlihatkan pembentukan kemandirian yang baik dalam kalangan golongan ini untuk lebih berdaya saing, kompetitif dan berupaya memberikan sumbangan kepada pembangunan Negara. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan PBR adalah satu usaha untuk meningkatkan PSM, mengeluarkan golongan ini daripada lingkaran kemiskinan dan mencipta masa depan yang lebih cerah bagi penerima PBR ini.

Kata kunci: program bina rumah, kemiskinan, pembangunan sumber manusia